

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE SERVICES IMPLEMENTATION BY CHILDREN TOWARDS VISUALLY IMPAIRED PARENTS]

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN ANAK TERHADAP IBU BAPA KURANG UPAYA PENGLIHATAN: KAJIAN DI MARANG, TERENGGANU

TENGGU FATIMAH MULIANA BINTI TENGGU MUDA ^{1*}

¹ Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, 23000 Kuala Terengganu, Terengganu.

*Corresponding author: tg_fatimah@unisza.edu.my

Received Date: 7 April 2016 • Accepted Date: 28 July 2016

Abstract

The wellbeing of society has a close relationship with individual capacity building in a quality family institution. In this context, Islam emphasizes good deeds of a child towards the parents. Relatively, the mass media have reported on various issues of persons with disabilities (OKU), including the issue of abandonment by their normal children. Accordingly, this article will analyze the services or the favours given by a child to his visually impaired or blind parent or parents. The analysis is focused on the consistency of their services with the Islamic guidelines. It will focus on the execution of the service in few aspects; namely in helping the disabled parents in exercising religious duties, assisting in meeting the daily needs as well as in fulfilling the wishes and demands of the parents. The study was conducted in Taman Rahmat in Terengganu State, Malaysia, which is the residential area for the disabled community. A total of 34 informants from 15 families have been selected through purposive sampling and snowball. The study was conducted using qualitative method by means of interviews and observations. The findings show that there are services towards the parents which are realized in accordance to Islamic demands and there are also some other aspects of the services which are not parallel to Islamic teachings.

Key words: Islamic courtesy, children of disabled parents, good deeds, visually impaired, blind

Abstrak

Kesejahteraan dalam masyarakat mempunyai hubungan rapat dengan pembinaan individu dalam institusi keluarga yang berkualiti. Dalam konteks ini, Islam memberi penekanan terhadap khidmat bakti seseorang anak terhadap kedua ibu bapanya. Relatifnya media massa telah banyak memaparkan kes-kes tentang orang kurang upaya (OKU) termasuk isu pengabaian oleh anak-anak mereka yang normal. Sehubungan dengan itu, artikel ini akan menganalisis perkhidmatan anak-anak yang normal terhadap ibu atau pun bapa atau kedua-duanya yang menghadapi masalah kurang upaya penglihatan. Analisis adalah tertumpu kepada keselarian khidmat bakti tersebut

dengan adab serta anjuran yang telah digariskan dalam Islam. Ia akan memfokuskan kepada aspek penyempurnaan perkhidmatan, iaitu sejauh mana tanggungjawab anak-anak kepada golongan kurang upaya ini khasnya dalam berbakti kepada kedua ibu bapa mereka dari segi pelaksanaan ibadah, membantu dalam memenuhi keperluan harian serta memenuhi kehendak ibu bapa OKU. Kajian telah dijalankan di Taman Rahmat, Negeri Terengganu yang merupakan penempatan bagi komuniti kurang upaya. Melalui kaedah persampelan bertujuan dan snowball, seramai 34 orang informan daripada 15 buah keluarga telah dipilih. Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Data-data dipungut dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkhidmatan terhadap ibu bapa OKU yang direalisasikan selaras tuntutan syarak dan terdapat juga sesetengah aspek perkhidmatan lain yang dituntut syarak diabaikan oleh anak-anak warga OKU ini.

Kata Kunci: Adab Islam, anak-anak Orang Kurang Upaya, khidmat bakti, kurang upaya penglihatan, buta.

Cite as: Tengku Fatimah Muliana Binti Tengku Muda. 2016. Pelaksanaan Perkhidmatan Anak Terhadap Ibu Bapa Kurang Upaya Penglihatan: Kajian di Marang, Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13(1): 121-133.

PENDAHULUAN

Dalam kehidupan sebuah keluarga yang mempunyai pasangan ibu bapa kurang upaya penglihatan, kekurangan dari segi penglihatan bukan halangan kepada kewajipan seorang anak untuk berbakti kepada ibu bapa seperti mana yang digariskan oleh Islam. Bahkan peranan mereka menjadi lebih berat daripada anak-anak yang mempunyai ibu bapa normal. Disebabkan pergerakan ibu bapa mereka terbatas, anak-anak perlu memberi bantuan dari segi moral dan fizikal dalam meneruskan kehidupan harian. Dalam sejarah Islam, Nabi Muhammad S.A.W. sendiri pernah diturunkan wahyu oleh Allah S.W.T. ketika berhadapan dengan seorang orang kurang upaya (selepas ini dirujuk sebagai OKU) penglihatan bernama Abdullah bin Umm Maktum. Peristiwa itu mengajar umat Islam agar melayani OKU sama seperti orang lain dalam segenap hal, terutama ketika mereka memerlukan khidmat ilmu berkaitan agama (Surah 'Abasa 1-11). Realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakat hari ini, masih terdapat sesetengah pihak yang belum memahami dan menghayati keperluan serta kesusahan yang dialami oleh orang kelainan upaya termasuklah mereka yang kurang upaya penglihatan. Media massa banyak memaparkan kes-kes tentang mereka termasuk isu pengabaian golongan ini oleh anak-anak mereka yang normal, bahkan sesetengah ibu bapa kurang upaya penglihatan berasa dipinggirkan dalam banyak perkara (Utusan Online 2007; Bernama 2014). Situasi ini mempunyai kaitan rapat dengan khidmat seorang anak terhadap kedua ibu bapa. Ini kerana dalam sesebuah institusi kekeluargaan, anak merupakan orang yang paling hampir dalam membantu dan memberi khidmat kepada mereka bagi mengharungi kehidupan seharian. Kajian juga membuktikan golongan kurang upaya penglihatan menghadapi konflik psikologi yang memerlukan sokongan dari sekeliling. Tunde-Ayinmode, Akande dan Popoola (2011) dalam kajiannya menyatakan bahawa kebolehpayaan orang kurang upaya penglihatan untuk membuat penyesuaian akan terikat dengan empat domain utama iaitu; psikologinya, kehidupan perkahwinan, kekeluargaan dan pekerjaan. Permasalahan yang berkait dengan domain utama

ini akan mempengaruhi kualiti hidup seseorang OKU penglihatan ini. Kajian tersebut juga menunjukkan 62% daripada responden OKU penglihatan melaporkan emosi tidak gembira, manakala 44% menyatakan mereka merasakan tidak dapat memainkan peranan dalam kehidupan. Isu-isu seperti ini perlu ditangani bermula dari institusi keluarga terutamanya anak-anak selaku komuniti sosial yang paling hampir dengan golongan kelainan upaya ini. Sokongan dan bantuan dari anak-anak ini bukan sahaja berbentuk fizikal, malah ia perlu turut melibatkan sokongan emosi melalui laras komunikasi yang efektif dan kondusif bagi mengelakkan timbulnya perasaan dipinggirkan. Allah S.W.T. juga telah menegaskan di dalam surah ali-Imran ayat 159 tentang kesan sikap berkasar dalam pergaulan:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ

Maksudnya: "Maka berkat rahmat Allah engkau (Muhammad) berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekitarmu..."

Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa sikap yang keras dan kasar hanya akan memburukkan keadaan dan memberi impak reflektif terhadap pelaku iaitu dipulaukan dari orang sekeliling mereka. Kajian empirikal lepas seawal tahun 1980-an oleh Barnes dan Olson (1985) dalam bidang komunikasi keluarga juga menunjukkan bahawa hubungan yang erat antara ibu bapa dan anak akan melibatkan komunikasi yang baik, level kohesi dan kemampuan untuk menyesuaikan diri antara satu sama lain yang tinggi. Menurut mereka, komunikasi yang berkesan ini seterusnya akan meningkatkan kualiti hidup keluarga secara keseluruhan. Kajian dekad ini oleh E. Cichy, Lefkowitz dan Fingerma (2012) pula menunjukkan ibu bapa dan anak berbeza dari segi respon apabila berhadapan dengan konflik, iaitu samada bersikap *conflict engagement behaviour* atau *conflict disengagement behaviour*. Menurut kajian tersebut, ibu bapa lebih terdorong bersikap '*conflict engagement behaviour*' atau cuba mengubah perlakuan anak, manakala anak terutama remaja akan terdorong untuk bersikap '*conflict disengagement*' iaitu mengelak untuk membuat perubahan dan lebih suka untuk kekal dengan perlakuan mereka. Reaksi mereka dalam menangani konflik ini seterusnya akan memberi kesan kepada kualiti hubungan antara ibu bapa dan anak. Oleh itu bentuk khidmat bakti seorang anak yang bukan sahaja baik malah bertepatan dengan kehendak Islam sudah tentu mampu menzahirkan kebahagiaan kepada ibu bapa, kerana apa yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah merupakan manual kehidupan yang terbaik untuk segenap masyarakat.

Sehubungan itu, artikel ini membincangkan perkhidmatan seorang anak dengan ibu atau bapa atau kedua-duanya yang kurang upaya penglihatan dari aspek nilai samada menepati sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam. Artikel ini adalah berdasarkan kepada sebahagian daripada hasil kajian bertajuk "Masalah Dan Cabaran Yang Dihadapi Oleh Ahli Keluarga Yang Mempunyai Ibu Bapa Kurang Upaya Penglihatan Di Taman Rahmat, Marang, Terengganu".¹

¹ Sekalung penghargaan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin di atas geran penyelidikan UniSZA / 10 / BR (037) serta kepada ahli kumpulan penyelidik iaitu Syh. Noorul Madiah Syed Husin, Siti Fatimah Salleh, Azlina Abdullah dan Siti Hajar Abdul Rauf.

Selaras dengan itu, artikel ini akan menganalisis perkhidmatan seseorang anak yang normal terhadap ibu atau pun bapa atau kedua-duanya yang kurang upaya penglihatan, sama ada telah menepati apa yang digariskan dalam Islam atau sebaliknya. Ia akan memfokuskan kepada aspek penyempurnaan perkhidmatan, iaitu sejauh mana tanggungjawab anak-anak kepada golongan kurang upaya ini khasnya dalam adab berbakti kepada kedua ibu bapa mereka dari segi pelaksanaan ibadah, membantu dalam memenuhi keperluan harian atau memenuhi kehendak ibu bapa OKU.

OBJEKTIF DAN FOKUS KAJIAN

Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti perkhidmatan seorang anak yang normal dengan ibu atau pun bapa atau kedua-duanya yang kurang penglihatan, sama ada menepati kaedah yang dianjurkan oleh Islam atau sebaliknya. Bagi mencapai objektif, kajian akan menumpu kepada aspek khidmat anak-anak dalam membantu pelaksanaan ibadah ibu bapa kurang upaya penglihatan. Seterusnya kajian juga akan melihat sejauh mana anak-anak membantu dalam memenuhi keperluan harian ibu bapa serta kepatuhan dan kesungguhan mereka dalam melayani kehendak ibu bapa.

Berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), ‘orang kurang upaya’ termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia mentakrifkan seorang OKU atau ‘*persons with disabilities*’ sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan, sama ada daripada segi fizikal ataupun mental, dan sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya (www.who.int). Bagi tujuan pendaftaran, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (www.jkm.gov.my) telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya penglihatan sebagai individu yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad sama ada di sebelah atau di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Manakala menurut Bishop (1996); Hazekamp dan Huebner (1989) dipetik dalam William L. Heward (2000), konsep kurang upaya penglihatan boleh dikelaskan kepada tiga kategori utama, iaitu *totally blind* (buta), *functional blind* (hilang penglihatan yang menyebabkan seseorang itu memerlukan kepada sokongan lain untuk membuat sesuatu) dan *low vision* (rabun). Berdasarkan takrifan dan konsep yang telah dibincangkan, kajian ini hanya menumpu kepada keluarga yang mempunyai ibu atau bapa atau kedua-duanya yang i) buta sepenuhnya dan ii) kurang upaya penglihatan yang *functional*.

LOKASI, TEMPOH DAN METOD KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di sebuah perkampungan orang kelainan upaya, miskin dan tua yang tidak berkemampuan dari segi tempat tinggal. Perkampungan ini dikenali sebagai Taman Rahmat. Pembinaannya telah dirancang dan diluluskan oleh kerajaan negeri Terengganu pada tahun 1979 dan mula ditubuhkan pada tahun 1981. Taman Rahmat terletak di Pulau Kerangga, Marang, Kuala Terengganu dan mempunyai keluasan seluas 45 ekar. Daripada keluasan tersebut, hanya 25 ekar tanah sahaja telah dibina rumah penempatan (Laporan Minit Mesyuarat Pembangunan Semula Komuniti Taman Rahmat Bil 1/2008, Ms 6 & Temu bual bersama En Tahir bin Musa, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Penduduk Taman Rahmat, 2011). Rasional pemilihan lokasi ini adalah kerana Taman Rahmat merupakan penempatan khas bagi komuniti kelainan upaya yang mempunyai kapasiti penghuni seramai 70 buah keluarga. Daripada jumlah itu, seramai 15 buah keluarga adalah dikenalpasti sebagai kurang upaya penglihatan.

Pengumpulan data bermula Disember 2010 hingga April 2011. Sampel dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dan juga pensampelan *snowball* yang terdiri daripada 34 orang informan daripada 15 buah keluarga. Hanya keluarga yang mempunyai salah seorang atau kedua-dua ibu bapa kurang upaya penglihatan sahaja di pilih sebagai sampel kajian.

Kajian ini telah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Data-data diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual semi-struktur dan pemerhatian. Metod pemerhatian adalah penting dilakukan untuk mendalami bahasa badan dan tingkah laku anak-anak ketika melayan serta berinteraksi dengan ibu bapa mereka. Memandangkan kajian ini melibatkan sampel yang kecil maka data-data temu bual telah ditranskripsi secara manual tanpa menggunakan perisian komputer. Interpretasi dari data temu bual dan pemerhatian telah digabungkan dan disusun mengikut tema-tema yang telah dipilih sebagai skop kajian.

ADAB MEMBERI KHIDMAT KEPADA IBU BAPA DALAM ISLAM

Dalam pergerakan golongan kurang upaya yang terbatas, anak-anak adalah orang yang paling dekat yang seharusnya banyak membantu dalam kehidupan seharian ibu bapa istimewa ini. Bentuk perkhidmatan dan layanan seorang anak terhadap ibu bapa amat dititikberatkan dalam Islam, lebih-lebih lagi bagi anak yang berhadapan dengan ibu bapa yang kurang berkemampuan dari segi fizikal seperti golongan kurang upaya penglihatan. Ini sebagaimana yang dirakamkan dalam kisah seorang tabi'in bernama Uwais al-Qarni yang sangat soleh, sabar dan taat menjaga ibunya yang tua dan buta sehingga beliau diiktiraf oleh Rasulullah S.A.W. sebagai penghuni langit (Ibn Hajr 1978). Al-Quran juga telah merakamkan peristiwa di antara Rasulullah S.A.W. dengan seorang sahabat OKU penglihatan bernama Abdullah bin Umm Maktum R.A. yang sangat menekuni majlis-majlis ilmu bersama Rasulullah S.A.W. Setiap waktu senggang beliau sering digunakan untuk menambah ilmu Islam. Pada masa permulaan dakwah Islam, Rasulullah S.A.W. sering mengadakan dialog dengan pemimpin-pemimpin Quraisy, mengharapkan agar mereka menerima dakwah dan memeluk Islam. Pada suatu hari Baginda berhadapan dengan para pembesar Quraisy, Baginda lalu berdakwah dan bertukar fikiran dengan mereka tentang Islam. Ketika Rasulullah S.A.W sedang berdialog, tiba-tiba Abdullah bin Umm Maktum datang meminta dibacakan kepadanya ayat-ayat al-Quran. Rasulullah S.A.W. berpaling daripada

Abdullah bin Umm Maktum dan tetap meneruskan dialog dakwah Baginda bersama pembesar Quraish, lantaran itu Allah menegur perlakuan Baginda dengan turunnya wahyu di dalam surah ‘Abasa ayat 1 hingga 11 (Ibn Kathir 1998) tentang keutamaan memberi khidmat menyampaikan ilmu agama terhadap orang yang memerlukan lebih-lebih lagi terhadap orang kurang upaya. Allah S.W.T. berfirman dalam surah ‘Abasa ayat 8-11:

وَأَمَّا مَنْ جَاءَكَ يَسْعَىٰ وَهُوَ يَخْشَىٰ فَأَنْتَ عَنْهُ تَلَهَّىٰ كَلَّا إِنَّهَا تَذْكِرَةٌ

Maksudnya: “dan adapun orang yang datang kepadamu dengan bersegera (untuk mendapatkan pengajaran), sedang dia takut (kepada Allah), engkau (Muhammad) telah mengabaikannya. Sekali-kali jangan (begitu), sungguh, ajaran-ajaran Allah itu suatu peringatan”.

Dalam memberi perkhidmatan terhadap ibu bapa juga, Islam menekankan tentang kepentingan melaksanakannya dengan penuh kesantunan berdasarkan ayat al-Quran dari surah al-Isra’ ayat 23 iaitu:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya: “dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ah", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)”.

Ayat ini secara jelas menyebut tentang kepentingan menjaga ibu bapa terutamanya ketika mereka sudah tua lebih-lebih lagi apabila mereka berada di dalam jagaan anak. Suruhan berbuat baik kepada ibu bapa ini disebut selepas suruhan mentauhidkan Allah S.W.T., sekali gus menunjukkan turutan keutamaan adab dengan ibu bapa yang sangat dititik beratkan di dalam Islam. Sayyid al-Qutb (2000) menyifatkan larangan mengeluarkan kata-kata kasar terhadap ibu bapa di dalam ayat tersebut adalah peringkat pertama dari peringkat-peringkat memelihara adab sopan dan pergaulan dengan ibu bapa. Penggunaan lafaz ‘qaulan kareema’ juga menurut beliau menunjukkan adab memberi khidmat melalui komunikasi positif yang paling utama, iaitu dengan menggunakan kata-kata yang mulia. Berdasarkan ayat tersebut juga, seorang anak dituntut untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap kata-katanya dalam pergaulan seharian agar tidak menyakiti hati ibu atau bapanya (Johari, 1992).

Firman Allah S.W.T lagi dalam surah al-Isra’ ayat 24:

وَاخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ

Maksudnya: “Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang.”

Sayyid Qutb (2000) menyifatkan uslub yang begitu lembut ini merujuk kepada perasaan kasih sayang yang amat halus. Menurut beliau lagi ayat ini menggambarkan seolah-olah sikap rendah diri itu mempunyai sayap yang boleh direndahkan untuk menyatakan rasa damai dan ketaatan kepada ibu bapa. Apabila dikaitkan dengan kerendahan diri, sudah tentu menunjukkan seorang anak hendaklah mengalah dan akur kepada keputusan kedua ibu bapa, kecuali keputusan ibu atau bapa itu bertentangan dengan ajaran agama (Johari, 1992). Ini bermakna seorang anak wajib mentaati segala perintah ibu dan bapa melainkan pada suruhan melakukan perkara haram atau bertentangan dengan ajaran Islam (Ahmad Isa, 1991).

Kewajipan mentaati perintah ibu bapa ini juga termasuklah terhadap ibu bapa yang tidak beriman selagi mana ia tidak menyalahi syarak (Ahmad Isa, 1991). Perkara ini telah disebut dengan jelas oleh Allah S.W.T. dalam surah Luqman ayat 15 yang mana *khitab* ini ditujukan kepada ibu bapa yang bukan Islam, iaitu:

وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبُهُمَا
فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا

Maksudnya: “dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik...”

Ayat tersebut menunjukkan sifat penyayang Allah S.W.T. kepada hambaNya sekali pun mereka syirik dan ingkar kepada suruhanNya. Perintah ketaatan dalam ayat tersebut jelas ditujukan kepada ibu bapa bukan Islam. Dalam soal ketaatan anak kepada mereka, Islam masih mewajibkan anak mentaati dan berbuat baik terhadap ibu bapa. Justeru, jika dihayati, mentaati ibu bapa yang Islam sudah tentu lebih utama pelaksanaannya jika dibandingkan dengan ibu bapa atau penjaga bukan Islam, dengan tidak mengurangkan kewajibannya atas alasan perbezaan agama.

Islam sebagai agama yang cukup sempurna juga mengajarkan cara dan adab jika sesuatu suruhan atau permintaan itu tidak dapat dipenuhi iaitu menolak permintaan dengan *qaulan maisura* atau cara yang cukup lemah lembut. Di dalam surah al-Isra’ ayat 28 Allah S.W.T. berfirman:

وَإِمَّا تُعْرِضَنَّ عَنْهُمُ ابْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِنْ رَبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَيْسُورًا

Maksudnya: “Dan jika engkau berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang engkau harapkan, maka katakalah kepada mereka ucapan yang lembut”.

Dalam satu riwayat oleh Said bin Mansur daripada Atha al-Khurasani, orang-orang dari Muzainah telah meminta bantuan kepada Rasulullah S.A.W. agar diberikan kepada mereka kenderaan sebagai kegunaan berperang fisabilillah. Rasulullah S.A.W. menjawab,

“Aku tidak ada lagi kenderaan untuk kamu”. Mereka berpaling dengan sedih dan merasakan bahawa Rasulullah marah kepada mereka. Maka turunlah ayat ini (Surah al-Isra’: 28) sebagai petunjuk kepada Nabi agar menolak permohonan dengan lembut (al-Sayuti, 2008).

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada temu bual dan pemerhatian yang telah dijalankan, berikut adalah dapatan kajian berdasarkan perkhidmatan yang diberikan oleh anak-anak warga kurang upaya penglihatan di Taman Rahmat, Terengganu:

i. Perkhidmatan dalam urusan pelaksanaan ibadat

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, rata-rata ibu bapa yang kurang upaya penglihatan tidak memerlukan kepada pertolongan ahli keluarga mereka dalam urusan ibadah, contohnya mengambil wudhuk atau menghadap kiblat apabila berada di rumah. Ini memandangkan pergerakan di dalam rumah adalah perkara ritual dan tidak mendatangkan masalah bagi mereka. Berdasarkan temubual, hanya anak R31 memaklumkan bahawa beliau kadang-kadang mengekori ibunya ketika hendak berwuduk, dan perbuatan ini menunjukkan sifat mengambil berat terhadap keselamatan si ibu. Walaubagaimanapun, responden mengakui memerlukan bantuan daripada anak dan ahli keluarga apabila berada di luar. Dalam hal ini, anak-anak responden disifatkan akan membantu sekiranya ada bersama dan tidak segan untuk memimpin ibu bapa OKU. R12 di dalam temubual memuji sikap anaknya yang tidak akan meninggalkan dia di belakang apabila berjalan serta tidak kekok memimpin si ibu yang kurang penglihatan apabila keluar.

Walaubagaimanapun, daripada pemerhatian dan temubual yang dijalankan, dapatan menunjukkan kurang sokongan daripada anak-anak responden dalam memberikan khidmat berkaitan ilmu agama, contohnya membacakan buku-buku agama kepada ibu bapa kurang penglihatan, atau mewujudkan suasana Islamik di dalam persekitaran keluarga seperti mengadakan aktiviti solat berjemaah sesama ahli keluarga, atau membaca Al-Quran bersama-sama ibu bapa.

ii. Perkhidmatan dalam memenuhi keperluan harian

Selain itu, dari segi memenuhi keperluan harian yang merujuk kepada urusan seperti memasak, mengemas rumah atau membantu membeli barangan, lebih separuh daripada informan menyatakan ibu mereka yang kurang upaya akan turut memasak di samping anak-anak dan menantu perempuan. R12 menjelaskan dia mampu berehat kerana anak perempuan serta anak lelakinya tidak keberatan memasak untuknya. R31 pula memaklumkan menantu perempuan yang tinggal bersama turut membantu dalam urusan dapur. Perbelanjaan barangan juga kadangkala dibeli secara bersama. Walaubagaimanapun berdasarkan pemerhatian dari gaya percakapan informan, terdapat juga anak-anak yang masih bergantung kepada ibu bapa OKU dalam menyediakan makanan, membeli keperluan harian atau mengemas rumah dan perlu disuruh sebelum melakukan sesuatu.

Dalam kes R44, temubual lebih awal bersama si ibu menunjukkan si ibu sangat melindungi si anak dan cuba untuk menyembunyikan kekurangan dan kelakuan anak lelakinya. Namun si bapa menyuarakan kerisauan dan keresahan dengan sikap anak lelakinya yang tidak mahu berdikari dan mengharapkan belanja daripada bapanya yang kurang upaya penglihatan dan ibu yang membuka warung makan kecil-kecilan. Memetik kata-kata R44 yang menampakkan kekecewaannya terhadap sikap si anak, "*Kain baju kalau di dalam mesin tu, dalam mesin lah..tak ada inisiatif anak untuk tolong menjemur ke..ibu bapa ni lah juga yang terhenjut-henjut kene sidai..masalahnya anak-anak ni, macam pelita..diletak minyak dan dicucuh api menyala, kalau tak dicucuh api tak menyala...*". Jelasnya juga jika memerlukan bantuan, beliau lebih rela meminta bantuan jiran tetangga daripada meminta bantuan anaknya yang suka menanggungkan kerja. Berdasarkan percakapan dan riak muka, R44 juga menyalahkan didikannya sebagai bapa dengan sikap anaknya.

Seterusnya bagi membeli keperluan barang-barang runcit, kebanyakan responden menjelaskan ahli keluarga atau anak perlu diminta untuk ke kedai tanpa adanya inisiatif sendiri untuk membantu. Antara keluhan responden, "*...dia sudah beristeri dan sudah ada anak...sepatutnya bila dah besar(dia) pandai berfikir dan mengurus diri sendiri, tak perlu kita buat dan tak perlu kita suruh, sebabnya umur dia bukan 19 atau 2 tapi dah masuk 30...*". Sementara itu menurut R3, "*anak tak adalah bagi belanja bulanan untuk beli barang, tapi adalah dia beli barang dapur sikit-sikit...*". Walaubagaimanapun, suasana harmoni juga boleh dilihat dalam keluarga R9 apabila si ibu mengiyakan kata-kata anaknya, "*saya pun tolong juga beli barang-barang dapur walaupun selepas kahwin hasil pemberian suami*" Terdapat juga penjual yang memang menjual dari rumah ke rumah dan ini memudahkan urusan jual beli bagi penghuni OKU di taman ini. Selain itu, sikap berdikari warga OKU di taman ini juga terserlah dengan penubuhan kedai runcit dan koperasi yang dinamakan Koperasi Tongkat Putih yang telah dibuka atas usaha gigih para penduduk taman ini bagi kemudahan mereka.

iii. Perkhidmatan dalam memenuhi kehendak

Dari segi memenuhi kehendak ibu bapa kurang upaya, dapatan kajian menunjukkan rata-rata informan menyatakan ibu bapa jarang meminta material atau berkehendakkan kepada sesuatu barangan daripada anak-anak, atau meminta untuk dibawa bersiar-siar atau berjalan-jalan. Menurut R11 pula, "*...dia dok wi (tidak memberi duit), dia balik, dia beli la makan sikit-sikit, kuih- kuih yang dia rasa nak makan dia beli*". Kenyataan responden secara tidak langsung menggambarkan si anak mengutamakan kehendak dirinya berbanding kehendak responden selaku ibu bapa. Menurut R12 beliau memahami kekangan kewangan si anak dan selain tidak mempunyai kenderaan sendiri. Namun berdasarkan temubual anak-anak akan menemani si ibu atau bapa apabila ingin keluar ke bandar, ke klinik, pasar atau ke sesuatu destinasi.

iv. Adab dalam memberi perkhidmatan

Jika dilihat dari segi kesungguhan dalam melayani kehendak ibu bapa kurang upaya ini, sikap 'bertanggung' terhadap perintah ibu bapa telah menggambarkan respon yang negatif dan tidak harmoni dari seorang anak dalam mentaati perintah atau arahan ibu bapa mereka. Sikap suka menanggungkan ini akan lebih menyulitkan ibu bapa yang kurang upaya penglihatan, kerana

mereka terpaksa mengulangi permintaan mereka disebabkan mereka tidak dapat melihat tindakan anaknya. Dalam membina hubungan yang positif antara anak dan ibu bapa, seseorang anak sewajarnya tidak membuatkan ibu bapa mereka berasa kecewa dengan sikap mereka. Luahan salah seorang responden juga menunjukkan seolah-olah beliau menyalahkan diri sendiri dan merasakan kurang didikan terhadap anaknya menjadi punca anaknya tidak mendengar kata. Perkara seperti ini adalah termasuk dalam kategori penderhakaan terhadap ibu bapa (Ahmad Isa, 1991).

Berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan, pada awal temu bual tentang isu ini bersama responden, kesemua mereka menyatakan anak-anak akan mengikut arahan yang diberikan oleh ibu bapa dan tidak akan cuba membantah. Namun setelah temu bual dilakukan secara mendalam, beberapa orang ibu bapa telah menyuarakan tentang sikap anak-anak yang suka menangguk atau melambat-lambatkan permintaan atau suruhan mereka. R9 telah menyatakan "*dari segi percakapan tiada masalah, tetapi anak-anak suka menangguk jika disuruh buat sesuatu...*". R10 turut menyatakan perkara yang sama apabila ditanya adakah pernah rasa terkilan dengan tindakan anak-anak? Jawabnya "*...biasalah tu..., kadang-kadang terasa juga, tapi dalam perkara kecil sahaja, seperti sikap anak yang terlalu suka menangguk apabila diminta buat sesuatu*".

R9 dan R4 turut menyatakan, anak-anak bukan sekadar suka menangguk, malah beliau terpaksa mengulang-acap kali tentang suruhannya, sama ada telah dilaksanakan atau pun belum dilaksanakan. R4 menyatakan "*anak kita suka menangguk apabila diarah. Jika diminta tolong, memanglah dia buat, tetapi lambatlah untuk melaksanakannya*".

Bagi R11 pula, sebagai bapa, kadang-kadang dia lebih suka mengharapkan pertolongan dari orang lain daripada anaknya sendiri. Beliau menyatakan: "*pernah saya mintak tolong anak lelaki saya buatkan meja makan di kedai ni (gerai makan), tapi tak buat. Baik saya suruh orang lain yang buat. Akhirnya saya buat sendiri sampai terluka tangan kena pahat, baru dia nak buat*". Dalam keadaan rasa terkilan, beliau merasakan perlakuan anaknya itu mungkin kerana didikannya yang kurang kepada anak-anak.

ANALISA PERKHIDMATAN SEORANG ANAK TERHADAP IBU BAPA DARI PERSPEKTIF ADAB ISLAM

Seorang anak responden yang bersikap 'acuh tak acuh' atau tidak bersungguh-sungguh dalam memberi khidmat kepada ibu bapa merupakan sesuatu yang bertentangan dengan anjuran Islam dalam pergaulan antara ibu bapa. Apabila ibu bapa menyuruh si anak melakukan sesuatu yang tidak bertentangan dengan syarak, maka wajib si anak bersegera melaksanakan keperluan dan suruhan ibu bapa lebih-lebih lagi dalam keadaan ibu bapa yang kekurangan. Firman Allah lagi dalam surah Al-Isra' ayat 24 yang bermaksud: "*Dan hendaklah engkau merendahkan sayap rendah diri kepada keduanya kerana kasih sayang.*" Sayyid Qutb menyifatkan uslub yang begitu lembut ini merujuk kepada perasaan kasih sayang yang amat halus seorang anak. Menurut beliau lagi ayat ini menggambarkan seolah-olah sikap rendah diri itu mempunyai sayap yang boleh direndahkan untuk menyatakan rasa damai dan ketaatan kepada ibu bapa (Sayyid Qutb, 2000). Dalam hal ini juga, Jas Laile (2002) menyifatkan corak pembesaran anak oleh ibu bapa memainkan peranan dalam membentuk keperibadian dan rasa tanggungjawab si anak. Ibu bapa yang bersifat autoritatif dan mesra akan mendorong anak untuk menjadi lebih

berdikari dan bertanggungjawab. Ibu bapa yang bersifat autoritarian adalah bersifat sangat mendesak dan kurang mesra dengan anak dan akan menyebabkan anak kurang bertindak secara spontan dan kurang mengambil inisiatif. Manakala ibu bapa yang bersifat permisif cenderung untuk memberi kebebasan kepada anak, akan menjadikan anak kurang berdikari, cuai dan kurang rasa bertanggungjawab. Walaupun begitu, pada pandangan Islam sifat *al-rahmah* atau perasaan belas kasihan, toleransi, lemah-lembut dan ketinggian budi pekerti adalah sangat dituntut di dalam pergaulan antara ahli keluarga, anak dan ibu bapa (Muhammad Abu Zuhrah, 1970). Tanpa kasih sayang dan perasaan belas kasihan lebih-lebih lagi terhadap ibu bapa yang kurang upaya, akan membuatkan hilangnya rasa tanggungjawab si anak terhadap ibu bapa. Daripada Abdullah bin ‘Amr, Rasulullah S.A.W. bersabda: *“Redha Allah pada redha kedua ibu bapa dan murka Allah pada murka kedua ibu bapa”* (Riwayat Tirmizi). Oleh itu apabila ibu bapa sudah merasa kecewa dengan sifat si anak, sudah pasti ini juga akan membuatkan tiadanya keredhaan Allah dalam hidup si anak, dan hilang kebahagiaan dalam individu keluarga. Dalam berbakti kepada ibu bapa, seorang anak wajib mentaati segala perintah ibu dan bapa melainkan pada suruhan melakukan perkara haram atau bertentangan dengan ajaran Islam (Ahmad Isa Asyur, 1991). Menurut al-Qurtubi wajib mentaati suruhan ibu bapa dalam perkara yang tidak melibatkan maksiat, begitu juga dalam mentaati suruhan terhadap perkara-perkara harus dan sunat. Terdapat sebahagian pandangan yang mengatakan bahawa jika suruhan ibu bapa itu melibatkan perkara harus, maka di sisi anak perkara itu menjadi sunat, manakala jika suruhan itu melibatkan perkara sunat, maka di sisi anak akan menjadi sunat muakkad (al-Qurtubi, 1980) Justeru bagi seorang anak, berbakti kepada kedua ibu bapa, bersikap mulia serta menunaikan hak-hak terhadap mereka adalah di antara tugas yang wajib dilaksanakan sebagai orang Islam.

Selain itu perbuatan segelintir anak-anak yang diam apabila ditegur mungkin juga bagi mengelakkan konflik sebagaimana Rasulullah S.A.W. bersabda, *“Barang siapa beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau diam”* (al-Bukhari, 2000). Namun perbuatan mendiamkan diri kerana marah kepada ibu bapa merupakan salah satu isyarat atau bahasa badan yang juga termasuk dalam kategori komunikasi yang tidak dianjurkan dalam Islam. Rasulullah S.A.W pernah bersabda: *“tidaklah berbakti kepada ayahnya seorang yang memandang kepadanya dalam keadaan marah”* (al-Baihaqi). Hadis ini menggambarkan bahasa badan yang menggambarkan maksud negatif tidak seharusnya diperlakukan oleh seorang anak terhadap ibu bapa. Malah, seseorang anak wajib berinteraksi atau bermuamalah secara positif dan lemah lembut dengan kedua-dua ibu bapa mereka serta tidak mengherdik mereka sama ada dengan kata-kata mahu pun perbuatan (Ahmad Hasan, 1997). Keadaan tidak memberi respon kepada panggilan ibu bapa ini boleh menyebabkan mereka tersentuh hati, kecewa dan berburuk sangka terhadap anak-anak walau pun pada hakikatnya mereka tidak dapat melihat secara fizikal perbuatan anak-anak tersebut.

KESIMPULAN

Berdasarkan dari apa yang dibincangkan di atas, dari konteks perkhidmatan yang diberikan oleh anak-anak terhadap ibu bapa OKU ini dalam pelaksanaan ibadah, majoriti ibu bapa OKU merasakan tidak ada keperluan dan kebergantungan terhadap anak-anak. Ini disebabkan keadaan persekitaran rumah yang biasa bagi mereka dan ini memudahkan pergerakan mereka

di dalam rumah. Walaubagaimanapun, bantuan dan sokongan anak diperlukan apabila berada di luar. Melalui temubual juga, wujud keperluan bagi anak-anak responden membantu menyediakan makanan, membeli keperluan, menemani dan memimpin tangan ketika mereka keluar. Rata-rata responden yang ditemubual menyatakan anak-anak tidak kekok untuk membantu, walaupun terdapat juga segelintir anak-anak dari golongan ini yang bersikap sebaliknya. Walaupun perbuatan seperti membantu di rumah kelihatan remeh, ia memberi kesan emosi kepada responden, sebagaimana yang dapat dilihat ketika menemubual R12 yang memuji anak lelakinya yang rajin membantu di rumah serta R44 yang memperlihatkan raut wajah sedih dan kecewa dengan sikap si anak yang 'berat tulang' serta tidak mahu berusaha untuk meringankan beban keluarga.. Relatif dari itu juga, kajian mendapati sebahagian anak-anak responden kurang mengambil berat tentang adab-adab yang perlu diperhalusi dalam memberi perkhidmatan kepada ibu bapa sebagaimana yang dianjurkan Islam. Ia juga dapat dilihat dari sikap anak-anak responden yang kurang mengambil endah apabila dipanggil oleh ibu bapa atau disuruh melakukan sesuatu perkara. Selain itu, kebanyakan ibu bapa OKU ini juga menyatakan kekangan kewangan keluarga membuatkan mereka jarang meminta barangan berbentuk material daripada anak-anak.

Sebagai kesimpulan, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pelbagai pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kecaknaan anak-anak dalam melaksanakan hak ibu bapa yang kurang upaya penglihatan. Ini bersesuaian dengan anjuran Islam terhadap anak-anak sebagai orang yang paling bertanggungjawab dalam menguruskan urusan ibu bapa mereka. Beberapa cadangan yang diperlukan oleh komuniti ini bagi tujuan penambahbaikan antaranya penganjuran program anak angkat bersama warga OKU di taman ini. Selain itu wujud keperluan untuk diadakan program motivasi atau pembangunan syakhsiah anak-anak OKU serta aktiviti-aktiviti lain yang dapat memberi manfaat ke arah meningkatkan kualiti modal insan komuniti di taman ini. Pengerusi taman juga melahirkan harapan agar sentiasa wujud jaringan penyelidikan yang bersepadu antara ahli akademik dan warga OKU. Ini bagi membolehkan masyarakat luar turut mengetahui perkembangan dan keperluan warga komuniti OKU. Beliau juga melahirkan harapan agar lebih ramai sukarelawan dari kalangan masyarakat turut sama terlibat dalam membangunkan dan memajukan Koperasi Tongkat Putih yang diusahakan oleh golongan OKU di taman ini. Bantuan bukan sahaja diperlukan dari segi fizikal tetapi juga sokongan emosi. Penyertaan dari warga luar juga akan memberikan dorongan dan semangat kepada anak-anak warga OKU untuk turut membantu memperkasakan ekonomi komuniti ini.

RUJUKAN

- Ahmad Hasan Karzun. (1997). *Mazaya Nizam al-Ushrah al-Muslimah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ahmad Isa Asyur. (1991). *Bir al-Walidain wa Huquq al-Aba' wa al-Abna' wa al-Arham*. (trj. M. Masruh Ahmad). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- al-Asqalani, Ibn Hajr. (1978). *Al-Isobah fi Tamyiz al-Sohaba*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Barnes, Howard L. & Olson, David H. (1985). Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model. *Child Development Journal*. 56(2): 438-447.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il. (2000). *Sahih al-Bukhari dalam Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*. ed. Salih Ibn 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh.

- Riyadh: Dar al- Salam.
- Cichy, K.E., Lefkowitz, E.S., & Fingerman, K.L. (2012). Conflict Engagement And Conflict Disengagement During Interactions Between Adults And Their Parents. *The Journals of Gerontology, Series B: Psychological Sciences and Social Sciences*. Vol: 68(1). 31–40.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz.(1998).Tafsir al-Quran al-Azim. Beirut: Dar al-Fikr. Jas Laile Suzana Jaafar. (2002). Psikologi Remaja.Petaling Jaya: Pearson Malaysia.
- Johari Alias. (1992). Menunaikan Kewajiban dan Tanggungjawab. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mausu'ah al-Hadis al-Syarif. (2000). al-Kutub al-Sittah. al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Salam li al-Nasyri wa al-Tauzi'.
- Mengapa OKU Dipinggirkan. (2007). 10hb Januari. Utusan Online. <http://utusan.com.my>.
- MF Tunde-Ayinmode, TM Akande, DS Ademola-Popoola. (2011). Psychological And Social Adjustment To Blindness: Understanding From Two Groups Of Blind People In Ilorin, Nigeria. *Annals of African Medicine*. Vol. 10 (2). 155-164.
- Muhammad Abu Zuhrah. (1970). al-Mujtama' al-Insan fi Zill Islam, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. (1980). al-Jami' al-Ahkam al-Quran. Qaherah: Dar Sya'b.
- al-Qutb, Sayyid. (2000). Fi Zilalil Qur'an. Terj. Yusof Zaky Yacob. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- al-Sayuti, Jalaluddin. (2008). Lubab al-Nuqul fi Asbabi al-Nuzul. (trj. Panel Penterjemah). Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- al-Tirmizi, Abu Musa Mahammad Ibn Isa. (2004). Jami' al-Tirmizi. Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- <http://www.bernama.com>.
- <http://www.jkm.gov.my>.
- <http://www.who.int>.